

Isim Fa'il

Kata Nama Pelaku



Majoriti sarjana Arab berpendapat bahawa isim *fa'il* (إِسْمُ الْفَاعِلِ) merujuk kata nama pelaku yang terbentuk daripada kata kerja aktif. Pada kebiasaannya, isim *fa'il* datang dengan pola tertentu dan tambahan terjemahan orang yang me-, orang yang ber- atau pe-. Contohnya, firman Allah SWT dalam *Surah al-Baqarah* ayat 282, (وَلَا يَأْتِ كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ) yang diterjemahkan oleh Abdullah Basmeih, “dan janganlah penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya.”

Ayat ini menerapkan elemen isim *fa'il* (كَاتِبٌ), iaitu derivasi daripada kata كَتَبَ (menulis). Maka itu, tidak hairanlah apabila Basmeih menterjemahkan leksikal كَاتِبٌ dengan imbuhan awalan pe- (penulis) yang bertujuan untuk mengisyaratkan kepada kata nama pelaku.

Al-Rajihy dalam karyanya, *al-Tatbiq al-Sarfiy* menyatakan bahawa pola isim *fa'il* terbahagi kepada dua kategori, dan hal ini bergantung pada binaan kata kerja *madinya* sama ada berkisarkan tiga huruf (الثَّلَاثِي) ataupun melebihi tiga huruf (غَيْرُ الثَّلَاثِي).

Jika kata kerjanya mengandungi tiga huruf, maka isim *fa'il*nya datang dengan pola فَاعِل. Misalnya, kata قَاعِدًا (orang yang duduk) dan قَائِمًا (orang yang berdiri) dalam *Surah Yunus* ayat 12 dengan pola *fa'il* terbentuk daripada kata kerja dengan tiga huruf, iaitu قَعَدَ dan قَامَ.

Namun begitu, sekiranya suatu kata kerja melebihi tiga huruf, maka kata ini akan menjana isim *fa'il* dengan pola yang awalnya terdapat mim dammah dan kasrah pada huruf sebelum akhir (مَمْ). Hal ini dikesan dalam

Surah Saba' ayat 32 (بَلْ كُنْتُمْ مُجْرِمِينَ) yang mengandungi kata مُجْرِمِينَ (golongan yang berdosa) dengan pola jamak. Jika diamati, pola tunggal bagi leksikal berkenaan ialah مُجْرِمٌ yang diolah daripada kata أَجْرَمَ.

Sementara itu, isim *fa'il* terkadang berfungsi sebagai kata kerja (إِسْمُ الْفَاعِلِ يَعْمَلُ عَمَلُ الْفِعْلِ). Hal ini menunjukkan bahawa suatu kata datang dengan pola isim *fa'il*, namun menyerlahkan makna suatu perlakuan sekali gus menuntut elemen sama ada *fa'il* (pelaku) mahupun *maf'ul bih* (objek). Ayat 75 *Surah al-Nisa'* (أَهْلُهَا رَبَّنَا أَخْرَجْنَا مِنْ هَذِهِ الْقَرْيَةِ الظَّالِمِ) memperlihatkan penggunaan isim *fa'il* (الظَّالِمِ) yang terbentuk daripada kata ظَلَمَ. Jika diamati, isim *fa'il* berkenaan diterjemahkan dengan laras kata kerja (zalim) yang menuntut elemen *fa'il* (pelaku). Maka itu, tidak hairanlah apabila akhiran kata أَهْلٌ (penduduk) berbaris dammah memandangkan fungsinya sebagai pelaku bagi isim *fa'il* dengan tugasan *fi'*.

Di samping itu, kata رَادُّوا dalam *Surah al-Qasas* ayat 7 (إِنَّا رَادُّوهُ) ialah isim *fa'il* dengan pola jamak yang dibentuk daripada kata رَدَّ (mengembalikan). Meskipun begitu, isim *fa'il* tersebut diterjemahkan dengan laras *fi'l mudari'* (akan mengembalikan) sekali gus mengisyaratkan bahawa Allah SWT menjamin pulangnya Nabi Musa a.s. kepada ibunya. Hal ini difahami daripada *damir* هِ [-nya (Musa)] yang bersambung dengan isim *fa'il* dengan fungsi *fi'l mudari'* sekali gus mengisyaratkan kepada elemen *maf'ul bih* (objek). ①